

BAB 3

PERSEDIAAN PENYUSUPAN KETENTERAAN MELALUI LALUAN MARITIM

Kegagalan Vietnam Selatan untuk mengadakan pilihan raya pada tahun 1956 telah menyebabkan Vietnam Utara melancarkan serangan terhadapnya pada tahun 1959. Untuk mencapai matlamat menyatukan Vietnam, maka kerajaan Hanoi telah merancang dan menyusup tentera dan alat kelengkapan tentera melalui laluan darat dan laluan maritim kepada Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan.

Bab ini akan membincang asal-usul penyusupan ketenteraan melalui jalan laut. Persediaan penyusupan ketenteraan seperti sumber-sumber tenaga tentera dan alat senjata yang dibekalkan oleh Vietnam Utara kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan melalui jalan laut turut dibincangkan

Asal-Usul Penyusupan Melalui Maritim

Selepas Perjanjian Geneva 1954, Vietnam Utara menubuhkan Barisan Tanah Air Vietnam (Vietnam Fatherland Front)¹ untuk mendapatkan sokongan rakyat dalam usaha menyatukan semula Vietnam Utara dan Vietnam Selatan. Maka, pada akhir tahun 1958, kerajaan Hanoi mengarahkan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan² mewujudkan satu medan perjuangan di Vietnam Selatan untuk menghalang perkembangan kestabilan

¹ CIA, "Special Report", 10 Julai 1964, him. 1, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Report, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

² Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan lebih dikenali sebagai Viet Cong di Vietnam Selatan oleh Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.

kerajaan Saigon setelah Vietnam Selatan gagal mengadakan pilihan raya pada tahun 1956 yang diperuntukkan oleh Perjanjian Geneva 1954 bagi tujuan menyatu semula Vietnam. Pada masa yang sama, kerajaan Hanoi telah mula merancang menyemarakkan perjuangan Barisan Tanah Air di Vietnam Selatan³ untuk mencapai matlamatnya.

Selepas kemenangan Viet Minh di Dien Bien Phu⁴ pada tahun 1954, sekurang-kurangnya 5,000-10,000 orang bekas ahli Viet Minh yang aktif masih berada di Vietnam Selatan dan kehadiran mereka di sana memang digalakkan oleh Ho Chi Minh dan Jeneral Vo Nguyen Giap untuk mengawal proses penyatuan semula Vietnam.⁵ Seterusnya penglibatan pihak Vietnam Utara secara aktif di Vietnam Selatan bermula pada tahun 1959 apabila kerajaan Hanoi mendapat sokongan kuat dari Republik Rakyat China.⁶ Untuk menjayakan perjuangan mereka di Vietnam Selatan, maka pada bulan Mei 1959, Parti Lao Dong⁷ yang memerintah di Vietnam Utara telah meluluskan polisi tentera untuk menubuhkan sebuah organisasi penyusupan untuk menyokong Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Organisasi ini dinamakan Pejabat Pusat Vietnam Selatan (Central Office in South Vietnam / COSVN) yang berpusat di Long Khanh, Vietnam Selatan.

³ *Ibid.*

⁴ Dalam peperangan antara Viet Minh dan Perancis, tentera Perancis telah dikalahkan oleh Viet Minh pada 7 Mei 1954 di Dien Bien Phu sehingga akhirnya membawa kepada Perjanjian Geneva pada 21 Julai 1954.

⁵ John F. Cady, *The History of Post War Southeast Asia*, Ohio : Ohio University Press, 1974, hlm. 310.

⁶ Republik Rakyat China menganggap Vietnam Utara sebagai jiran rapat dan tidak ingin melihat Vietnam Selatan didominasi oleh Amerika Syarikat.

⁷ Devillers, *Sejarah Indo-China Modern*, hlm. 344.

Ekoran daripada penubuhan COSVN, rancangan penyusupan ketenteraan dan persenjataan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan telah diaturkan. Organisasi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini dikenali sebagai Kumpulan 559 sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Agung Ahli Jawatankuasa Pusat ke-15 pada bulan Mei 1959. Tiga seksyen telah diwujudkan dalam Kumpulan 559 dan setiap seksyen bertanggungjawab menjalankan penyusupan ketenteraan melalui darat. Seterusnya aktiviti penyusupan secara besar-besaran telah dilaksanakan terutamanya melalui kawasan Banjaran Truong Son yang bersempadan dengan Laos dan Kampuchea.⁸ Laluan ini dikenali sebagai Laluan Ho Chi Minh di darat. Penggunaan laluan ini bukan merupakan strategi ketenteraan yang baru bagi Vietnam Utara, tetapi merupakan laluan yang telah digunakan oleh Viet Minh untuk menentang Perancis terutamanya dalam Perang Dien Bien Phu pada tahun 1954. Akan tetapi, dua bulan kemudian, penyusupan melalui jalan pergunungan ini telah diperkuuh dengan terbentuknya satu lagi unit penyusupan yang beroperasi di sepanjang pantai Vietnam.⁹ Penyusupan dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan yang menggunakan laluan maritim pula dikenali sebagai Laluan Maritim Ho Chi Minh.¹⁰

Laluan Maritim Ho Chi Minh bermula pada bulan Julai 1959 iaitu apabila Politburo Ahli Jawatankuasa Pusat Parti Lao Dong memberi arahan kepada parti organisasi di Vietnam Selatan untuk menghantar bot ke kawasan utara Zon Bebas

⁸ *Ho Chi Minh Trail*, him. 10-11.

⁹ William S. Turley, *The Second Indochina War*, him. 43.

¹⁰ Lihat Peta 3

Tentera (Demilitarized Zone)¹¹ di Vietnam Utara untuk mengambil alat senjata. Organisasi yang diberi tugas untuk menjalankan operasi ini ialah Kumpulan 759.¹² Tindakan ini diambil atas kesedaran bahawa Laluan Ho Chi Minh di darat yang bergunung-ganang adalah tidak sesuai untuk menghantar ahli-ahli teknikal dan ejen-ejen serta alat senjata yang berat ke Vietnam Selatan. Ini ditambah pula dengan pelbagai jenis penyakit tropika yang bahaya seperti malaria yang terdapat di jalan darat. Keadaan ini akan melambatkan aktiviti penyusupan kerana penyusup-penyusup dijangkiti penyakit terpaksa berada di stesen tentera¹³ sehingga mereka sembah. Kemudian barulah mengikuti kumpulan penyusup lain untuk meneruskan perjalanan ke Vietnam Selatan. Tambahan pula, tempoh yang digunakan untuk menghantar tentera dan peralatan melalui jalan darat adalah agak lama. Misalnya pada peringkat awal peperangan, penyusupan ketenteraan yang dijalankan oleh Viet Minh dari Vietnam Utara dengan menggunakan Laluan Ho Chi Minh di darat memakan masa sekurang-kurangnya lima minggu untuk sampai di kawasan utara Vietnam Selatan. Ini berbeza sekali jika menggunakan Laluan Maritim Ho Chi Minh yang biasanya hanya memerlukan satu minggu untuk sampai di bahagian utara Vietnam Selatan.¹⁴ Oleh yang demikian, laluan maritim yang dikatakan lebih cepat dan lebih selamat memainkan peranan yang amat penting dalam aktiviti penyusupan.


¹¹ Zon Bebas Tentera yang terletak pada garisan lintang 17°U telah memisahkan Vietnam Utara dan Vietnam Selatan selepas Perjanjian Geneva 1954.

¹² William S. Turley, *The Second Indochina War*, hlm. 43.

¹³ Stesen tentera dibina di sepanjang Laluan Ho Chi Minh di darat, stesen ini dikendalikan oleh 15-20 orang staf dan membekalkan makanan, tempat penginapan, perubatan dan petunjuk laluan kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan sebelum bertolak ke stesen yang seterusnya. Lihat William S. Turley, *The Second Indochina War*, hlm. 44-45.

¹⁴ Karnow, *Vietnam*, hlm. 347.

Proses Penyusupan Laluan Ho Chi Minh : Laluan Maritim



Operasi pertama menjalankan aktiviti penyusupan melalui jalan laut telah dimulakan pada penghujung tahun 1961 apabila lima buah bot kayu dari Ben Tre, Cha Man, Tra Vinh dan Ba Ria yang terletak di Vietnam Selatan tiba di pantai Vietnam Utara untuk mengumpul alat kelengkapan tentera untuk Tentera Barisan pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan.¹⁵ Operasi ini telah berjaya dan kejayaan ini telah mendorong Menteri Pertahanan Hanoi, Vo Nguyen Giap membuat keputusan untuk meneruskan aktiviti penyusupan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Kemudian Kumpulan 759 menjadi Pusat Ketumbukan Pengangkutan Maritim (Maritime Transport Command) di bawah pimpinan Laksamana Muda Tran Van Giang. Pada peringkat awal,

¹⁵ Duy Duc, "The Maritime Ho Chi Minh Trail", him. 19.

kebanyakan operasi penyusupan dijalankan dengan menggunakan tongkang atau sampan yang menyamar sebagai bot nelayan untuk beraktif di sepanjang pantai Vietnam.¹⁶

Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan menggunakan sepenuhnya laluan darat dan laluan maritim untuk menyusup kader dan alat kelengkapan tentera yang terhad ke Vietnam Selatan. Berbeza dengan laluan darat, laluan maritim biasanya digunakan untuk menghantar utusan khas dan peralatan teknikal bersama dengan tentera teknikal dan ejen-ejen pengintip dari Vietnam Utara ke Vietnam Selatan.¹⁷ Sementara laluan darat digunakan untuk menghantar tentera dan alat kelengkapan ringan. Oleh yang demikian, pantai-pantai di Dong Hoi, Vinh, Ha Tinh dan Do Son yang terletak di Haiphong merupakan tempat-tempat keberangkatan utama untuk bot-bot yang membawa peralatan tentera ke Vietnam Selatan.¹⁸ Kedudukan Haiphong yang terletak jauh dari Zon Bebas Tentera merupakan tempat yang strategik untuk aktiviti penyusupan. Bahan-bahan yang diimport secara besar-besaran dari seberang laut melalui Haiphong, akhirnya akan dipindah ke bot-bot kecil yang menyamar sebagai bot nelayan supaya tidak mudah dikesan oleh pihak Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan. Ini dapat dibuktikan dengan sejumlah besar alat senjata dan peralatan tentera buatan Republik Rakyat China, Soviet Union dan blok Eropah Timur yang dirampas oleh tentera Vietnam Selatan dan Amerika

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ CIA, "Communist Objective, Capabilities, and Intentions in Southeast Asia" (tarikh telah ditapis dalam dokumen asal), hlm. 10, US, Central Intelligence Report, *CIA, Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

¹⁸ Danny Wong Tze-Ken, "The Other Ho Chi Minh Trail : Seaborne Infiltration during the Vietnam War", *Sejarah*, No. 6, 1998, hlm. 136.

Syarikat. Yang kedua, Haiphong dan Vinh merupakan pusat industri di sebelah utara Vietnam Utara. Oleh yang demikian, material adalah lebih mudah dibawa keluar berbanding dengan kawasan selatan yang lain di Vietnam Utara.¹⁹

Selain memainkan peranan penting sebagai laluan membekalkan bekalan untuk kegunaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, Laluan Maritim Ho Chi Minh juga digunakan untuk menghantar kader-kader dan ahli-ahli teknikal serta alat senjata yang banyak ke Vietnam Selatan. Juruteknik dan tentera banyak disusup melalui jalan laut terutamanya selepas kawalan dan serangan udara mula dilancarkan oleh tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat sejak tahun 1965 untuk menghalang aktiviti penyusupan melalui laluan darat ataupun laluan laut. Maka dalam keadaan begini, laluan maritim adalah jauh lebih selamat berbanding dengan laluan darat.

Sumber Tenaga Tentera dan Latihan Tentera

Sumber tenaga tentera, latihan tentera sebelum aktiviti penyusupan dan alat senjata merupakan elemen-elemen yang penting dalam kegiatan penyusupan. Penduduk Vietnam Utara yang berjumlah kira-kira 18.7 juta orang pada tahun 1968 merupakan sumber tenaga tentera yang baik untuk menampung keperluan aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Daripada jumlah penduduk ini, kira-kira 2.8 juta orang lelaki berada di dalam lingkungan umur 17-35 tahun dan kira-kira 1.5 juta daripada mereka adalah sesuai untuk perkhidmatan tentera. Tambahan pula, kira-kira 200,000 orang lelaki mencapai umur 17 tahun setiap tahun, dan dipercayai bahawa sekurang-kurangnya 120,000 orang adalah sesuai untuk perkhidmatan tentera. Oleh yang

¹⁹ Ibid.

demikian, dianggarkan lebih kurang 100,000 orang boleh dikerah menjadi tentera pada setiap tahun.²⁰ Jadi, boleh dikatakan bahawa pada setiap tahun, Vietnam Utara mampu melatih 75,000-100,000 orang tentera untuk dihantar ke Vietnam Selatan.²¹

Berdasarkan beberapa tahun pengalaman berperang dengan Perancis, Vietnam Utara telah menyedari betapa pentingnya mewujudkan tentera simpanan yang mencukupi untuk menyokong Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan. Maka, bermula pada awal tahun 1959, lelaki yang berumur 18 –25 tahun adalah wajib menjalani dua tahun perkhidmatan dalam pasukan tentera, sementara kepada mereka yang berumur antara 26-45 tahun berkhidmat sebagai tentera simpanan tanpa ditetapkan tempohnya. Oleh yang demikian, pada setiap tahun, terdapat seramai 500,000 orang tentera terlatih atau tentera simpanan yang berperanan sebagai tentera sokongan kepada Barisan Pembebasan Kebangsaan untuk meneruskan perjuangan mereka di Vietnam Selatan. Menurut laporan CIA pada 27 Disember 1963, bilangan tentera simpanan Vietnam Utara telah bertambah dan ini menggambarkan hasrat kerajaan Hanoi untuk mengekalkan bilangan tentera moden.²²

²⁰ CIA and Defense Intelligence Agency, "The Attrition of Vietnamese Communist Forces 1968-1969", 30 Mac 1968, hlm. 4-5, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*. Lihat juga CIA "Capabilities of Vietnamese Communist for Fighting in South Vietnam" 13 November 1967, hlm.1, US, Secretary of Defence, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

²¹ CIA, "Capabilities of Vietnamese Communist for Fighting in South Vietnam", 13 November 1967, hlm. 6, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia: Special Studies, 1960-1980*.

²² CIA, Special Report, "North Vietnam Military Establishment", 27 Disember 1963, hlm. 5, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Bukti menunjukkan bahawa kumpulan utama dalam pasukan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang menyerang Vietnam Selatan telah dilatih di Vietnam Utara dan telah dikerah ke Selatan oleh kerajaan Hanoi. Ini menunjukkan bahawa kepimpinan utama Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, pegawai dan kader lain yang ramai terdiri daripada juruteknik, pengurus, pengurus politik dan ahli propaganda, semuanya datang dari Vietnam Utara dan menjalankan kegiatan di Vietnam Selatan atas arahan kerajaan Hanoi.²³ Dari perkara ini jelaslah bahawa Pusat Ketumbukan Tentera (Military High Command) di Hanoi memainkan peranan yang amat penting dalam melatih tentera dan menyusup mereka ke Vietnam Selatan.

Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan menerima arahan yang cukup bersistematik dari ibu pejabat tentera dan politik di Vietnam Utara tetapi beroperasi di tapak politik mereka di Vietnam Selatan dengan kawalan dari Hanoi. Mereka membahagikan Vietnam Selatan kepada dua kawasan operasi. Setiap kawasan itu dibahagikan lagi kepada pusat ketumbukan antara wilayah, pusat ketumbukan wilayah, daerah dan kampung. Setiap pusat ketumbukan dilengkapi dengan pasukan tentera yang biasanya dalam bentuk batalion di kawasan tersebut dan juga ketumbukan antara wilayah dan kompeni-kompeni di dalam sesebuah wilayah.²⁴

²³ US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 1.

²⁴ CIA, "Communist Objectives, Capabilities, and Intention in Southeast Asia" (tarikh telah ditapis dalam dokumen asal), hlm. 9, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Report, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Dari segi latihan dan pusat latihan pula, terdapat beberapa buah pusat latihan khas di Vietnam Utara. Pusat latihan khas yang terbesar terletak di Xuan Mai,²⁵ iaitu di luar Hanoi. Selepas menjalani sekurang-kurangnya tiga bulan latihan intensif dalam bidang tentera dan politik serta selepas menjalani latihan berkawat yang mencukupi, kader-kader ini akan dihantar ke Vietnam Selatan²⁶ melalui jalan darat ataupun melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Jeneral Vo Nguyen Giap menyedari bahawa latihan yang bersistematik adalah amat penting untuk membentuk tentera moden. Maka, sekolah tentera yang lebih lengkap perlu diperkenalkan. Justeru itu, Badan Latihan Umum (General Training Directorate) telah ditubuhkan untuk memberi latihan dan pendedahan kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan dengan teknik-teknik peperangan secara gerila, penyusupan, penyamaran, kepandaian menembak dan bidang perkubuan²⁷ sebelum disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh atau melalui jalan darat.

Selain itu, beberapa divisyen Tentera Vietnam Utara yang terletak di sebelah selatan Vietnam Utara berfungsi memberi sokongan dan latihan tentera kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan. Divisyen-divisyen ini terdiri daripada bekas ahli Viet

²⁵ Lihat Peta 3

²⁶ CIA, "Special Report, Viet Cong Infiltration Into Northern South Vietnam", 23 Oktober 1964, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

²⁷ CIA, Special Report, "North Vietnam Military Establishment", 27 Disember 1963, hlm. 5, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

Minh yang berperang dengan Perancis, kemudian berundur ke Vietnam Utara pada tahun 1954-1955. Kira-kira 50,000 orang Viet Minh yang berpengalaman ini merupakan komander, kader, juruteknik dan pakar-pakar kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan.²⁸ Malah, golongan inilah merupakan golongan yang disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh pada peringkat awal penyusupan ketenteraan untuk menggulingkan rejim Ngo Dinh Diem di Vietnam Selatan.

Satu lagi elemen penting dalam aktiviti penyusupan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan ke Vietnam Selatan ialah alat senjata. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa banyak alat senjata, alat kelengkapan tentera dan material lain yang digunakan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah dihantar ke Vietnam Selatan dari Hanoi melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.

Sumber Persenjataan dan Bekalan

Apabila kerajaan Hanoi melancarkan kempen perang melalui Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan pada awal tahun 1959, Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan bergantung kepada alat senjata dan kelengkapan tentera yang dirampas oleh mereka daripada tentera Vietnam Selatan semasa berperang dengan Perancis pada tahun 1954.²⁹ Oleh yang demikian, rampasan ini merupakan sumber penting alat senjata dan kelengkapan tentera kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada peringkat awal. Namun, keadaan ini telah berubah apabila peperangan

²⁸ CIA, "Communist Objectives, Capabilities, and Intention in Southeast Asia", (tarikh telah ditapis dalam dokumen asal), hlm. 10, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

²⁹ US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 14.

mencapai tahap yang rancak pada tahun 1965 apabila serangan udara Amerika Syarikat dilancarkan di Vietnam Utara. Penggunaan tentera dan alat senjata yang moden adalah sangat diperlukan untuk menentang tentera Vietnam Selatan yang dibantu oleh Amerika Syarikat. Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan tidak boleh lagi hanya bergantung kepada alat senjata rampasan seperti sebelumnya. Oleh itu, Hanoi telah mengambil langkah untuk melengkapkan tenteranya di Vietnam Selatan dengan alat senjata yang lebih moden dan canggih dari negara-negara komunis. Republik Rakyat China, Soviet Union dan negara komunis yang lain merupakan pembekal utama alat-alat senjata dan kelengkapan tentera kepada Vietnam Utara.³⁰

Bantuan alat senjata dan kelengkapan tentera dari Republik Rakyat China kepada Vietnam Utara bukan merupakan perkara baru kerana Republik Rakyat China pernah memberi bantuan kepada Viet Minh untuk menentang Perancis sejak tahun 1946 hingga 1954, Republik Rakyat China memberi bantuan alat senjata dan kelengkapan seperti meriam anti-kapal terbang, peralatan komunikasi dan perubatan kepada Viet Minh kerana menganggap Vietnam Utara sebagai “*soul brother*”.³¹

Pada mulanya Vietnam Utara memang hampir bergantung sepenuhnya kepada alat senjata dan kelengkapan tentera dari Republik Rakyat China. Akan tetapi, sejak tahun 1963, didapati bahawa banyak alat senjata dan alat kelengkapan

³⁰ *Ibid.*, hlm. 1, 14 -15.

³¹ CIA, “Probable Department in Indochina during the Remainder of 1951”, 3 Mac 1952, hlm. 5, US Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

tentera yang dimiliki oleh Vietnam Utara adalah buatan Republik Rakyat China dan Soviet Union. Ini disebabkan oleh keupayaan Hanoi untuk menghasilkan alat senjata dan kelengkapan tentera adalah terhad. Hanoi hanya mampu menghasilkan mortar, bazuka, bom tangan, periuk api, alat senjata dan kelengkapan tentera yang kecil dalam kuantiti yang kecil sahaja. Hanoi tidak berkeupayaan untuk memperbaiki alat senjata. Selain itu, kekurangan tapak perindustrian juga merupakan salah satu faktor utama Hanoi terpaksa terus bergantung kepada peralatan utama dari negara komunis yang lain.³²

Terdapat bukti yang menunjukkan semakin banyak alat senjata buatan negara komunis disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh berdasarkan rampasan senjata di Vietnam Selatan. Alat-alat senjata ini termasuklah senapang “recoilles” 57mm (recoilles rifles 57mm) dan mesingan dwifungsi 75mm, pelancar roket, mortar besar dan periuk api anti-kereta kebal. Dalam rampasan pertama tentera Vietnam Selatan daripada Tentara Barisan Pembelaan Kebangsaan pada bulan Disember 1964 di wilayah Chuong Thien telah membuktikan bahawa satu kelompok senjata termasuk senapang karbin separa automatik 7.62mm, mesingan ringan 7.62mm dan senapang penyerang 7.62mm (assault rifle) merupakan buatan Republik Rakyat China pada tahun 1962.³³ Alat-alat seperti ini juga telah dirampas di empat kawasan tentera di Vietnam Selatan yang menunjukkan bahawa pelancar bom tangan anti-kereta kebal dan alat kelengkapan tentera yang lain dibuat di Republik Rakyat China pada tahun

³² CIA, Special Report, “North Vietnam Military Establishment”, 27 Disember 1963, hlm. 4-5, CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976.

³³ US, Department of State, *Aggression from the North*, hlm. 15.

1963.³⁴ Oleh yang demikian, jelas bahawa alat senjata yang dihantar ke Vietnam Selatan melalui jalan laut adalah buatan negara komunis.

Menurut seorang tawanan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan, kompeninya telah dibekalkan dengan alat senjata moden Republik Rakyat China.³⁵ Pelengkapan semula unit Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dengan alat senjata moden dari negara komunis lain telah menunjukkan penambahan keyakinan pihak berkuasa Hanoi dalam keberkesanan penyusupan ketenteraan dan alat senjata ke Vietnam Selatan melalui jalan laut.

Penyusupan alat senjata melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh semakin jelas apabila beberapa stok yang mengandungi alat kelengkapan tentera, alat senjata dan bekalan tentera yang lain dalam kuantiti yang banyak telah dirampas oleh pihak Vietnam Selatan yang menunjukkan bahawa sumber-sumber peralatan itu datang dari negara komunis. Ini dapat dibuktikan apabila sejumlah besar sorongan alat senjata Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dijumpai di wilayah Dinh Tuang yang terletak di barat-daya Saigon. Didapati bahawa semua alat senjata dan alat kelengkapan tentera yang dirampas itu adalah buatan Republik Rakyat China iaitu :

- 1 senapang pelancar roket 90mm
- 2 senapang karbin (jenis 53)
- 120 butir peluru "recoilles" 75mm
- 14 000 butir peluru 7.62mm (jenis P)
- 160 000 butir peluru karbin 7.62mm
- 150 fuis untuk peluru mortar

³⁴ *Ibid.*

³⁵ *Ibid.*

100 000 butir peluru jenis Mauser 7.92mm
110 paun trinitrotoluene (TNT)
2 mortar 60mm³⁶

Alat-alat senjata dan alat kelengkapan tentera tersebut adalah sama seperti yang digunakan oleh tentera Vietnam Utara. Malah antara peluru 7.62mm adalah dibuat pada tahun 1962.

Selain itu, komponen kimia untuk letupan telah dihantar dalam kuantiti yang banyak ke Vietnam Selatan untuk kegunaan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan pada tahun 1963. Terdapat sekurang-kurangnya 15 kejadian rampasan bot, perahu layar atau sampan yang membawa bahan letupan. Lebih daripada 20 tan "potassium chlorate" atau nitrat telah dirampas. Semua kejadian ini berlaku di kawasan delta Sungai Mekong atau kawasan yang berdekatan dengannya. Antara bahan kimia yang dirampas daripada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan ialah Fosforus Merah (Red Phosphorus) buatan Republik Rakyat China.³⁷ Sekali lagi, ini telah membuktikan bahawa penyusupan alat senjata melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh telah dilakukan secara besar-besaran oleh Vietnam Utara.

Selepas berlakunya kejadian rampasan demi rampasan oleh pihak Vietnam Selatan, kini pihak Hanoi cukup sensitif terhadap pembongkaran fakta tentang bahan peperangan yang dibekalkan kepada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan adalah datang dari Vietnam Utara, Republik Rakyat China dan negara komunis lain.

³⁶ *Ibid.*, hlm. 19.

³⁷ *Ibid.*, hlm. 20.

Kesensitifan ini dapat digambarkan melalui dokumen sulit yang dirampas daripada ejen-ejen Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada tahun 1964. Dokumen tersebut telah dihantar dari Ibu Pejabat Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di wilayah Bien Hoa di Vietnam Selatan kepada badan-badan gabungan dan mengarahkan mereka :

“to pay special attention to the removal of all the markings and letters on weapons of all types currently employed by units and agencies and manufactured by friendly East European democratic countries or by China.”³⁸

Menurut pihak Ibu Pejabat Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan lagi,

“incriminating marking should be chiseled off so that the enemy cannot use it as a propaganda theme every time he captures these weapons.”³⁹

Tindakan ini membuktikan keterperincian pihak Vietnam Utara dalam segala aktiviti yang dirancang. Kini, mereka cuba membuktikan kepada dunia dan khususnya Amerika Syarikat bahawa mereka boleh menghadapi perperangan tersebut tanpa sebarang bantuan luar. Perperangan ini adalah berdasarkan semangat perjuangan, strategi dan senjata mereka sendiri. Mereka menyedari penglibatan Republik Rakyat China atau Soviet Union ke dalam perang ini akan membawa padah kerana Amerika Syarikat akan menggunakan sebagai alasan untuk bertindak secara lebih tegas atau mendapatkan bantuan dari negara-negara lain. Pihak Amerika Syarikat sememangnya bijak menggunakan isu-isu sebegini sebagai propaganda perperangan mereka. Vietnam Utara ingin membuktikan kepada dunia bahawa perang ini diatur, dirancang dan bakal

³⁸ Ibid.

³⁹ Ibid.

dimenangi dengan titik peluh Barisan Pembebasan Kebangsaan Vietnam Selatan tanpa memperoleh sebarang bantuan luar.

Berdasarkan alat-alat senjata yang dirampas daripada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan pada tahun 1964, menunjukkan bahawa nisbah alat senjata baru buatan Blok Komunis yang dimiliki oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah meningkat. Setelah menganalisis, alat-alat senjata yang dirampas pada tahun 1964 telah menunjukkan bahawa kira-kira 23% daripada alat senjata tersebut adalah produk Republik Rakyat China berbanding dengan lapan peratus pada tahun 1963.⁴⁰

Sejak akhir tahun 1964, jumlah rampasan alat senjata telah bertambah dan ini termasuklah mesingan ringan, pelbagai jenis separa mesingan dan senapang penyerang yang merupakan alat senjata 7.62mm. Seterusnya pada tahun 1965 pula, dianggarkan kira-kira 1/3 daripada unit tentera utama Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan atau kira-kira 200,000 orang Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan telah dilengkапkan dengan alat senjata 7.62mm yang lebih moden.⁴¹

Penggunaan alat senjata 7.62mm dari Blok Komunis ini telah memberi keyakinan kepada pihak Vietnam Utara bahawa sistem penyusupan mereka adalah cukup berkesan dalam usaha membekalkan stok yang mencukupi kepada Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Berdasarkan bukti-bukti yang diperoleh sejak enam

⁴⁰ CIA, "Development in South Vietnam during the Past Year", 29 Jun 1965, hlm. 11, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

⁴¹ *Ibid.*

bulan pertama 1965, telah mengesahkan bahawa alat kelengkapan tentera telah dibawa masuk secara besar-besaran ke Vietnam Selatan melalui jalan laut.⁴² Ini dapat dibuktikan apabila satu kumpulan kapal yang mempunyai kapasiti 50–100 tan yang membawa kira-kira 5,000 tan alat senjata ke Vietnam Selatan telah dijumpai di wilayah Phu Yen pada bulan Februari 1965.⁴³ Perjumpaan ini telah membuktikan bahawa Laluan Maritim Ho Chi Minh memang amat sesuai untuk membawa alat senjata dalam kuantiti yang banyak berbanding dengan Laluan Ho Chi Minh di darat. Walaupun kawalan semakin ketat telah dijalankan oleh tentera laut Vietnam Selatan untuk menyekat aktiviti penyusupan tersebut, namun aktiviti penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh tetap berterusan dan ini merupakan satu kejayaan bagi Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan.

Apabila Amerika Syarikat memulakan serangan udara di Vietnam Utara pada tahun 1965, maka bantuan dari Republik Rakyat China turut bertambah dengan menghantar 36 buah jet pejuang kepada Vietnam Utara. Kemudian, lapan buah lagi jet pejuang dihantar pada bulan April 1965.⁴⁴ Republik Rakyat China masih merupakan pembekal utama alat senjata kecil kepada Vietnam Utara.⁴⁵

Menurut laporan CIA pada 9 Jun 1965, secara purata setiap batalion Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan Utama memiliki dua hingga enam jenis alat senjata

⁴² *Ibid.*

⁴³ William S. Turley, *The Second Indochina War*, hlm. 43.

⁴⁴ CIA, Special Report, "Status of Soviet and Chinese Military Aid to North Vietnam", 3 September 1965, hlm. 3, US, Central Intelligence Agency, *CIA Research Reports, Vietnam and Southeast Asia 1946-1976*.

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 1.

seperti senapang “recoilles” 57mm dan 75mm serta mortar 60mm dan 81mm. Ada juga beberapa batalion memiliki satu hingga dua meriam katak (pack howitzer) 70mm atau 75mm dan menggunakannya dalam pertempuran. Namun, majoriti peralatan berat yang digunakan oleh mereka adalah datang dari Blok Komunis terutamanya Republik Rakyat China melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh.⁴⁶

Menurut laporan CIA lagi, alat-alat senjata 7.62mm yang merupakan alat senjata baru buatan Republik Rakyat China telah dijumpai di semua kawasan tentera, dan majoriti unit tentera utama menggunakan alat senjata tersebut ataupun diminta menggunakannya. Alat-alat senjata ini dapat menambah kuasa menembak untuk menentang pihak lawannya. Ekoran daripada beberapa rampasan alat senjata dan alat kelengkapan tentera secara besar-besaran oleh tentera Vietnam Selatan, didapati bahawa sekurang-kurangnya 90% alat senjata adalah berasal dari Blok Komunis.⁴⁷ Ini telah menunjukkan bahawa Vietnam Utara banyak bergantung kepada Blok Komunis untuk mendapatkan bekalan alat senjata.

Menurut laporan CIA pada tahun 1967 pula, kira-kira 50% peluru anti-kapal terbang yang ditembak pada kapal terbang Amerika Syarikat adalah buatan Republik Rakyat China. Selain itu, Republik Rakyat China juga membekalkan senjata kecil, senapang, mortar dan mesingan dalam kuantiti yang banyak kepada Vietnam Utara.⁴⁸

⁴⁶ CIA, “The Viet Cong Regular Force”, 9 Jun 1965, him. 3, US, Secretary of Defense, *Southeast Asia Analysis Report, Vietnam and Southeast Asia : Special Studies, 1960-1980*.

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 222.

Jadual berikut menunjukkan peratusan kandungan alat senjata yang digunakan oleh Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan dari tahun 1963 – 1967.

Jadual 2 : Peralatan Yang Digunakan oleh Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan (%)

	Tahun	Republik Rakyat China	Soviet Union	Amerika Syarikat (Dirampas)	Perancis (Dirampas)	Vietnam Utara dan negara lain
Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan Angkatan Utama	1963	13	2	40	39	6
	1964	28	4	38	25	5
	1965	38	5	35	17	5
	1966	51	7	24	13	5
Angkatan Biasa	1963	0	0	14	63	23
	1964	0	0	24	49	27
	1965	1	0	35	37	27
	1966	3	0	38	32	27
Jumlah (Tentera utama dan tentera biasa)	1963	7	1	28	50	14
	1964	15	2	32	36	15
	1965	21	3	35	26	15
	1966	29	4	30	22	15
	1967	35	6	26	18	15

Sumber: John M. Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, Palo Alto : Pacific Books Publishers, 1972, hlm. 222.

Daripada jadual tersebut, didapati bahawa peratusan penggunaan alat senjata Republik Rakyat China menjadi semakin tinggi, ini disebabkan oleh penggunaan senapang automatik AK-47 Soviet Union yang telah diubahsuai oleh Republik Rakyat China dan banyak digunakan oleh Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan.⁴⁹ Selain

⁴⁹ Ibid.

Republik Rakyat China, Vietnam Utara juga menerima bantuan dari Soviet Union dan Czechoslovakia yang membekalkan senapang termoden kepadanya.⁵⁰

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat bukti-bukti yang menunjukkan penerusan program Hanoi membekalkan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan dengan alat senjata dan alat kelengkapan tentera yang lain. Ini dapat dibuktikan melalui rampasan alat senjata komunis di Vietnam Selatan antara tahun 1962–1963. Jadual-jadual berikut menunjukkan senarai alat senjata dan peralatan tentera yang dirampas daripada Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan pada tahun 1962–1963 dan senarai ini telah dihantar oleh kerajaan Vietnam Selatan kepada Suruhanjaya Kawalan Antarabangsa pada 29 Januari 1964. Bukti-bukti ini jelas menunjukkan bahawa alat senjata dan kelengkapan tentera yang diimpot dari negara-negara komunis lain telah disusup secara sulit ke Vietnam Selatan untuk kegunaan Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan.

⁵⁰ Van Dyke, *North Vietnam's Strategy for Survival*, hlm. 65.

Senarai Alat Senjata Komunis Yang Dirampas di Vietnam Selatan (1962-1963)

Jadual 3 : Senjata Buatan Republik Rakyat China

Jenis Senjata	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
Senapang 'recoilles' 75mm	1 1 1	10/9/63 2-6/12/63 22/12/63	Wilayah An Xuyen Wilayah An Xuyen Dinh Tuong
Jumlah	3		
Meriam 'recoilles' 57mm	1 2	25/11/62 5/12/62 31/8/63	Phuoc Chau di Quang Tin (1 meriam dan 7 buah kereta meriam) Phu Bon (sebuah kereta meriam) Wilayah Quang Ngai
Jumlah	3 meriam (8 kereta meriam)		
Peluru meriam 75mm (peluru yang berlabel perkataan Cina atau peluru berlabel perkataan Cina telah ditanggalkan dan diganti dengan tanda Amerika Syarikat)	8 120	24/11/63 22/12/63	Wilayah An Xuyen Operasi Duc Thang di Dinh Tuong
Jumlah	128		
Peluru meriam 57mm	49 8 33 6 1 58	25/11/62 20/2/63 24/5/63 31/8/63 8/10/63 22/12/63	Phuoc Chau, Wilayah Quang Tin Semasa Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan menyerang stesen Ben Heo (Tay Ninh) Kapal Tentera Barisan Pembelaan Kebangsaan di Sungai Bassac Quang Ngai Wilayah Binh Dinh Dinh Tuong
Jumlah	155		

Jadual 3 : Senjata Buatan Republik Rakyat China (sambungan)

Jenis Senjata	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
Mortar 80mm	1	25/3/63	Wilayah Tay Ninh
Mortar 60mm	1	7/1/63	Phuoc Thanh
	2	22/12/63	Dinh Tuong
Jumlah	3		
Peluru Meriam 60mm	18	10/9/63	Wilayah An Xuyen
	165	22/12/63	Dinh Tuong
Jumlah	183		
Bazuka 90mm	1	22/12/63	Dinh Tuong
Kaliber 27mm untuk pelancar roket	2	10/6/62	Wilayah Quang Ngai dan Wilayah Quang Duc
Jumlah	3		
Kaliber 7.92mm (model 08 Maxim untuk Mesingan	2	10/9/63	Wilayah An Xuyen
	4	21/12/63	Chuong Thien
Jumlah	6		
Roket Jenis MP-82	142	24/4/63	Quang Ngai
Ubat bedil "trinitrotoluene" (TNT)	365	13/6/62	Quang Duc
	kuasa		
	43	25/12/62	Phuoc Chau(Quang Tin)
	29	7/5/63	Can Tho
	140	22/12/63	Dinh Tuong
Jumlah	577		
Fosforus merah "Potassium chlorate"	5 kg	19/4/63	Wilayah Kien Phong
	17 tan	Sept.'62	Kapal Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan di Phu Quoc
	2 tan	19/4/63	Wilayah Kien Phong
	150 kg	10-15/7/63	Phu Quoc
Jumlah	19 tan		
Kereta Meriam untuk mesingan 7.92mm Fuis meletup untuk peluru mortar 60mm.	155 kg		
	100,000	22/12/63	Dinh Tuong
	150	22/12/63	Dinh Tuong

Sumber : Department of State, *Aggression from the North : The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, hlm. 38-39.

Jadual 4 : Senjata Buatan Soviet Union

Jenis Senjata	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
Senapang jenis MP-82		10/5/62	Binh Dinh
Pelancar kereta meriam		10/5/62	Binh Dinh
Senapang Karbin Mossin	1	13/6/63	Kien Phong
Nagant (bersama bayonet automatik)	2	13/7/63	Long An
	5	20/7/63	Dinh Tuong
	7	8/9/63	Dinh Tuong
Jumlah	15		
Senapang	6	6/10/63	Long An
	1	19/10/63	Dinh Tuong
	11	6/11/63	Vinh Binh
	1	17/11/63	Dinh Tuong
	1	25/11/63	Hau Nghia
	1	6/12/63	Dinh Tuong
	8	7/12/63	Phong Dinh
	1	12/12/63	Kien Tuong
	1	13/12/63	An Xuyen
	1	16/12/63	Kien Giang
	1	16/12/63	Ba Xuyen
	3	16/12/63	An Xuyen
	1	17/12/63	Phong Dinh
	1	20/12/63	Kien Hoa
	6	21/12/63	Chuong Thien
	2	22/12/63	Dinh Tuong
Jumlah	46		
Pistol automatik	1	19/10/63	Phan Thiet
Bom tangan	5		Long An
Senapang kereta meriam	1600,000	22/12/63	Dinh Tuong
Submesingan (pistol mesin)	2	23/9/63	Long Xuyen

Sumber : Department of State, *Aggression from the North : The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, 1965, hlm. 40.

Jadual 5 : Senjata Buatan Czechoslovakia

Jenis	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
Pistol automatik 7.65mm	1	2/1/63	Pemimpin Barisan Pembebesan Kebangsaan yang ditangkap di Phu Yen
Submasingan jenis K-50	2	25/11/62	Quang Tin
	1	29/11/62	Phuoc Long
	7	24/4/63	Quang Ngai
	5	9/5/63	Quang Tin
	2	11/7/63	Operasi di Hau Giang
	3	31/8/63	Quang Ngai
	1	8/9/63	Dinh Tuong
	1	16/9/63	Long An
	1	17/10/63	Quang Nam
	2	13/11/63	Phu Yen
	1	13/11/63	At Hue
	9	8/10/63	Binh Dinh
	1	20/12/63	Operasi di Phuoc Binh Thang
	1	26/12/63	Kien Hoa
	1	17/12/63	Chuong Thien
			Long Xuyen
Jumlah	40		
Senapang	9	10/9/63	An Xuyen
	1	19/10/63	Chuong Thien
	1	6/11/63	Ba Xuyen
	2	9/11/63	Chuong Thien
	3	13/11/63	Kien Giang
	1	17/11/63	Ba Xuyen
	2	26/11/63	Hau Nghia
	1	2/12/63	Phong Dinh
	6	21/12/63	Chuong Thien
Jumlah	26		
Kereta meriam mesingan	14,000	22/12/63	Dinh Tuong
Pelancar bom atom	1	14/7/63	Long An
Bazuka antikereta kebal	1	22/12/63	Din Tuong
3.5			

Sumber : Department of State, *Aggression from the North : The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, hlm. 41-42.

Jadual 6 : Senjata Yang Diubahsuai oleh Tentera Vietnam Utara

Jenis	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
MAT-49 yang diubahsuai	16	25/12/62	Quang Tin
	2	5/12/63	Phu Bon
	6	13/11/63	
Jumlah	24		
Mesingan 12.7 mm	2	24/12/63	Operasi di Duc Hoa

Sumber : Department of State, *Aggression from the North: The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, hlm.42.

Jadual 7 : Material dan Peralatan Buatan Vietnam Utara

Jenis	Kuantiti	Tarikh Dirampas	Tempat Dirampas
Uniform		21/12/62	Phuoc Thanh
Topi Keledar	16	8-10/10/63	Kien Hoa
Stokin	tidak dicatat	21/12/62	Phuoc Thanh
Baju Sejuk (buat di Ha Dong)	tidak dicatat		Phuoc Thanh
Tali Pinggan (buat di Hanoi)	tidak dicatat		Phuoc Thanh
Mess Kits (buat di Haiphong)	tidak dicatat		Phuoc Thanh

Sumber : Department of State, *Aggression from the North : The Record of North Viet-Nam's Campaign to Conquer South Viet-Nam*, Washington D.C. : Department of State, hlm. 42.

Kesimpulan

Pada peringkat persediaan penyusupan ketenteraan melalui laluan laut, pemimpin Vietnam Utara telah merancangkannya dengan rapi dan teliti. Ini dapat dibuktikan di mana Vietnam Utara telah memastikan sumber tenaga tenteranya yang terlatih adalah mencukupi untuk dibekalkan kepada Barisan Pembelaan Kebangsaan di Vietnam Selatan. Sementara dari segi sumber persenjataan pula, Vietnam Utara terpaksa banyak bergantung kepada bekalan persenjataan yang lebih moden dan canggih dari negara

komunis seperti Soviet Union dan Republik Rakyat China untuk meningkatkan keupayaan Tentera Barisan Pembebasan di Vietnam Selatan dalam menghadapi serangan tentera Vietnam Selatan dan Amerika Syarikat. Vietnam Utara terpaksa berbuat demikian memandangkan keupayaan Hanoi untuk menghasilkan alat senjata dan kelengkapan tentera adalah terhad. Oleh yang demikian, dalam hal ini, kerajaan Hanoi telah menunjukkan kebijaksanaannya dalam membuat persediaan penyusupan untuk memastikan kelancaran proses penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut.